

Pendayagunaan Rubrik Pemarkahan Pentaksiran Berterusan Amali Bagi Program Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional: Masihkah Relevan?

(Utilization of Practical Continuous Assessment Scoring Rubrics for Diploma in Accounting Programs in Vocational Colleges: Is It Still Relevant?)

Mohd Asnawi Kamaludin¹, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: P114134@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: effendi@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Effendi @ Ewan
Mohd Matore
(effendi@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Rubrik
Pentaksiran berterusan
Amali
Pemarkahan
Kolej Vokasional

KEYWORDS:

Rubric
Continuous Assessment
Practical
Scoring
Vocational College

CITATION:

Mohd Asnawi Kamaludin & Mohd Effendi @
Ewan Mohd Matore. (2022).
Pendayagunaan Rubrik Pemarkahan
Pentaksiran Berterusan Amali Bagi
Program Diploma Perakaunan di Kolej
Vokasional: Masihkah Relevan? *Malaysian
Journal of Social Sciences and Humanities
(MJSSH)*, 7(4), e001458.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1458>

ABSTRAK

Kertas konsep ini membincangkan penggunaan rubrik pemarkahan amali dalam Pentaksiran Berterusan (PB) amali program Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional Malaysia. Penggunaan rubrik pemarkahan digunakan oleh pensyarah untuk mengukur tahap pencapaian dalam pentaksiran berterusan yang dilaksanakan oleh pelajar. Pertimbangan yang adil dan telus oleh pensyarah menjadi sandaran kepada penggunaan rubrik untuk menilai pelajar. Selain itu, rubrik pemarkahan juga digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai panduan pentaksiran sendiri sebelum pentaksiran sebenar oleh pelajar. Kajian lepas banyak membincangkan penggunaan rubrik dalam konteks sebagai alat pengukuran dalam pentaksiran yang subjektif. Implikasi, cabaran dan strategi turut dibincangkan dan dikenal pasti untuk memastikan keberkesanan penggunaannya. Perbincangan kertas konsep ini dapat menggalakkan kajian lanjut bagi terhadap penghasilan rubrik yang lebih mendalam dan holistik dalam pentaksiran dan pembelajaran terutama dalam konteks kursus perakaunan di Kolej Vokasional.

ABSTRACT

This concept paper discusses the use of practical scoring rubrics in the practical Continuous Assessment (CA) of the Diploma in Accounting program at the Malaysian Vocational College. The use of scoring rubrics is implemented by the lecturers to measure the level of achievement in continuous assessment performed by the students. Fair and transparent judgment by lecturers underpins the use of rubrics to assess students. In addition, the scoring rubric is also used in teaching and learning as a guidance for self-assessment before the actual assessment by the students. Previous studies have extensively discussed the use of rubrics in the

context as a measurement tool in subjective assessment. Implications, challenges and strategies are also discussed and identified to ensure its effective use. The discussion of this concept paper can encourage further research on the production of a more in -depth and holistic rubric in assessment and learning, especially in the context of accounting courses in Vocational Colleges.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam menjelaskan pendayagunaan rubrik pemarkahan pentaksiran berterusan amali bagi program Diploma Perakaunan dalam konteks Kolej Vokasional di Malaysia. Idea dari potensi rubrik pemarkahan amali ini juga boleh dijadikan rujukan pendidik dan badan ilmu dalam usaha menghasilkan rubrik pentaksiran yang lebih holistik dan mendalam terutama bagi kursus perakaunan di Kolej Vokasional.

1. Pengenalan

Pentaksiran prestasi seperti amali dalam pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) seperti di Kolej Vokasional sukar diukur kerana subjektif dan boleh menyebabkan bias. Penggunaan skala pemarkahan berbentuk rubrik dikatakan sesuai untuk mengukur kompetensi amali pelajar kerana telah menterjemahkan kriteria kualitatif kepada bentuk kuantitatif secara skala penarafan. Namun begitu pembinaan rubrik bukanlah perkara yang mudah terutamanya dalam menentukan skala penarafan (Azmanirah et al., 2019). Penggunaan Rubrik dalam melaksanakan Pentaksiran Berterusan dalam Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional Malaysia adalah satu keperluan yang penting. Terutamanya dalam membuat pentaksiran berterusan yang lebih tepat dan memenuhi sasaran pencapaian. Latihan penggunaan perlu diberikan kepada guru-guru supaya pemahaman terhadap item adalah sama. Di samping itu dapat mengelakkan ralat atau prejudis dalam pentaksiran yang dilaksanakan. Skala penarafan yang bertepatan dengan hasil pembelajaran akan memudahkan penilai dalam penggunaan Rubrik.

Dalam proses pembelajaran pula, pelajar diberikan rubrik sebelum pentaksiran sebagai penjelasan tahap pencapaian yang perlu dicapai. Pelajar lebih berfokus dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan berdasarkan hasil pembelajaran. Francis. (2018) menjelaskan bahawa apabila rubrik diberikan lebih awal kepada pelajar, akan membantu menjelaskan objektif pembelajaran, menjadi panduan dan mengurangkan kekusaran terhadap tugas dan meningkatkan pencapaian pembelajaran. Penggunaan rubrik dalam pemarkahan Amali ini diharap dapat membantu para pensyarah dalam membuat pentaksiran dan justifikasi yang berkualiti dan kompeten. Selain itu rubrik yang dibangunkan dapat dijadikan sebagai alat dalam pengajaran dan pembelajaran. Rubrik ini juga diharap dapat membantu Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia agar dapat melahirkan graduan yang mampu memenuhi keperluan pekerjaan.

Pentaksiran dalam pembelajaran membantu pensyarah dalam mengambil keputusan profesional untuk memperbaiki pembelajaran. Akan tetapi pensyarah perlu memberi markah yang sama atau hampir sama kepada jawapan yang hampir sama. Permasalahan yang berlaku adalah apabila wujudnya pemeriksa yang bias dalam penskoran (MacDougall et al., 2008). Bias boleh berlaku dalam proses penskoran, bila mana pensyarah cenderung kepada seseorang individu yang seperti pelajar pandai atau pelajar lemah yang dikenali sebagai kesan Halo. Begitu juga apabila pemeriksa telah memberi

markah yang tinggi kepada sebahagian jawapan tetapi sebahagian jawapan yang lain rendah markahnya yang dikenali sebagai kesan Horn (Rubin, 1982). Oleh itu, pemeriksa membuat keputusan, pelajar tidak wajar diberi markah yang tinggi kepada sebahagian jawapan yang sepatutnya diberi markah tinggi. Kesannya akan menjejaskan pencapaian pelajar seterusnya menyebabkan motivasi pelajar menurun.

Pelajar tidak mencapai prestasi yang baik kerana tidak tahu sejauh mana penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai. Pensyarah hanya menilai apa yang diajar olehnya. Pensyarah membuat taksiran ke atas pencapaian muridnya dan memutuskan apa yang perlu diajar dan pendekatan yang perlu diambil bagi setiap topik (Clausen-May, 2000). Ini bermakna pelajar tidak berpeluang untuk membuat pentaksiran dan mengenal pasti tahap sesuatu pencapaian yang diperlukan dalam pembelajaran. Pentaksiran yang berkesan seharusnya direka bentuk untuk mengetahui apa yang pelajar tahu dan faham, tetapi bukannya bilangan soalan yang dijawab dengan tepat oleh pelajar. Dengan itu, pemahaman pelajar dapat diketahui dengan jelas dan salah konsep pelajar juga dapat dikesan. Kertas konsep ini akan membincangkan secara asas beberapa aspek seperti (a) penggunaan rubrik sebagai alat pengukuran dalam pentaksiran berterusan amali; (b) penggunaan rubrik sebagai alat pembelajaran dan pengajaran serta (c) implikasi, cabaran dan strategi penggunaan rubrik dalam pentaksiran berterusan amali.

2. Sorotan literatur

Rubrik ialah senarai semak yang mengandungi pernyataan secara pemeringkatan tentang sesuatu yang diperhatikan dan dinilai (Mohamed Najib et al., 2012). Rubrik juga merupakan panduan pemarkahan yang mengandungi kriteria dan digunakan oleh guru dan pelajar bagi menentukan kualiti tugas mencapai piawai yang ditetapkan dan sebagai satu mekanisme untuk menilai kualiti hasil kerja pelajar (Azmanirah et al., 2019). Popham (1997) menjelaskan rubrik terdiri daripada tiga ciri penting iaitu kriteria penilaian, definisi kualiti dan strategi pemarkahan. Kriteria penilaian digunakan untuk membezakan tindak balas yang diterima daripada tindak balas yang tidak diterima. Kriteria adalah berbeza-beza bergantung kepada kemahiran yang hendak dinilai. Definisi kualiti menerangkan perbezaan kualitatif. Jika terdapat empat aras yang berbeza, rubrik haruslah mempunyai definisi yang berbeza bagi setiap peringkat. Strategi pemarkahan pula terdiri daripada holistik atau analitik.

Konsep rubrik pemarkahan yang dibincangkan adalah sebagai alat pengukuran yang menjadi panduan kepada pensyarah dalam proses penskoran yang adil dan telus. Ini supaya dapat mengelakan bias dan menjadi satu garis panduan untuk pelajar mengetahui kehendak pensyarah dalam penulisan. Terdapat beberapa kepentingan bagi membangunkan rubrik yang digunakan dalam proses pentaksiran. Salah satu kepentingan pembangunan rubrik ialah rubrik merupakan instrumen yang sering digunakan untuk mentaksir pelajar dari segi prestasi berdasarkan sesuatu tugas. Penggunaan rubrik boleh meningkatkan pembelajaran dan prestasi bagi penilaian pembelajaran dan penilaian formatif (Panadero & Jonsson, 2013).

Penggunaan rubrik yang dilengkapi dengan kriteria juga dapat memberi bimbingan kepada pelajar dalam membuat sesuatu tugas disamping mengurangkan kebimbangan pelajar dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan. Para pelajar juga boleh menjadikan kriteria yang terdapat dalam rubrik sebagai panduan untuk memperoleh gred atau markah yang baik. Ini kerana kriteria kejayaan merupakan elemen yang ditekankan apabila rubrik digunakan untuk tujuan penilaian formatif (Fraile et al., 2017).

[Abdullah dan Shukor \(2012\)](#) menyatakan bahawa rubrik merupakan mekanisme yang komprehensif kepada pelajar untuk memenuhi standard yang telah ditentukan. Selain itu, juga ia mampu memberi maklum balas kepada pelajar berkaitan pencapaian daripada pemeriksa.

2.1. Pentaksiran Berterusan Amali

Outcome-based Education (OBE) merupakan satu pendekatan menyeluruh bagi mengurus dan mengendalikan proses PdP yang fokusnya adalah untuk menghasilkan pelajar yang berjaya mendemonstrasikan hasil pembelajaran dengan berkesan. Pentaksiran dan penilaian ialah dua aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam OBE bagi memastikan hasil pembelajaran kursus (CO) serta hasil program (PO) dapat dicapai seperti yang digariskan oleh MQA. Bagi tujuan tersebut Kolej Vokasional melaksanakan Pentaksiran Berterusan (PB) bagi kaedah penilaian formatif dan Penilaian Akhir (PA) bagi kaedah pentaksiran sumatif. Hasil pembelajaran kursus (CO) dirangka dan dirancang oleh Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dengan kepakaran dari jurulatih-jurulatih Utama ([Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2019](#)).

Penetapan hasil pembelajaran dibuat berdasarkan keperluan kursus yang menggunakan domain Taksonomi Bloom sebagai model pembangunan kurikulum. Menggunakan tiga domain pembelajaran iaitu kognitif, afektif dan psikomotor ([Bloom, 1956](#)). Untuk memenuhi dan mencapai CLO, pelajar boleh dinilai menggunakan instrumen seperti Ujian bertulis, kuiz, Simulasi, Projek, Amali dan Portfolio. PB berfungsi sebagai pentaksiran untuk pembelajaran (assessment for learning) dan pentaksiran tentang pembelajaran (assessment of learning). PB dilaksanakan secara Holistik, Berterusan, Fleksibel, merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan CO, Penilaian formatif dan Penilaian sumatif ([Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2014](#)). Pentaksiran Berterusan Amali untuk setiap kursus menggunakan instrumen secara amali berdasarkan CO yang ditetapkan seperti [Rajah 1](#) dan [Rajah 2](#) yang dipetik dari Course Outline Kursus Perakaunan Berkomputer, Diploma Perakaunan Kolej Vokasional.

Rajah 1: Penilaian Kursus

PENILAIAN (ASSESSMENT):				
No	Jenis-jenis Penilaian	CLO		
		CLO 1- C3, PLO2	CLO 2- P3, PLO 3	CLO 3- A2, PLO6
1	Pentaksiran Berterusan (Continuous Assesment)			
	Ujian Teori 1	5%		
	Ujian Teori 2	5%		
	Ujian Amali 1		9%	1%
	Ujian Amali 2		27%	3%
2	Penilaian Akhir (Final Evaluation)			
	Penilaian Akhir - Teori	-	-	-
	Penilaian Akhir - Amali		45%	5%
	Sub Total	10%	81%	9%
	Total	100		

Rajah 2: Jadual Spesifikasi Penilaian

Jadual Spesifikasi Penilaian (Assessment Specifications Table):

KANDUNGAN	CLO			KAEDAH PENTAKSIRAN					
	CLO1 (KOGNITIF)	CLO2 (PSIKOMOTOR)	CLO3 (AFEKTIF)	UJIAN TEORI 1	UJIAN TEORI 2	UJIAN AMALI 1	UJIAN AMALI 2		
				5%	5%	10%	30%		
1. MENGURUS MAKLUMAT ASAS PERNIAGAAN.	✓	✓	✓	✓		✓			
2. MEREKOD TRANSAKSI URUS NIAGA PERNIAGAAN	✓	✓	✓	✓			✓		
3. MENGHASILKAN LAPORAN KEWANGAN	✓	✓	✓		✓		✓		
4. MENYEDIAKAN PENYATA PENYESUAIAN BANK	✓	✓	✓		✓		✓		

Setiap Instrumen Pentaksiran Berterusan Amali dilengkapi dengan set dokumen seperti Soalan Amali, Alatan, Skema Jawapan, Borang Pemarkahan dan Rubrik Pemarkahan. Kesemua dokumen dibangunkan dan dilaksanakan oleh pensyarah dan pihak kolej sepenuhnya bermula dari aspek perancangan, pembinaan item dan instrument pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporannya (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2014).

2.2. Justifikasi Pensyarah

Pentaksiran berterusan adalah pentaksiran kompetensi bersifat terbuka dan subjektif. Tetapi bagaimana pensyarah boleh membuat penilaian subjektif menjadi seobjektif yang mungkin serta pentaksiran yang konsisten antara satu pemeriksa dengan yang lain. Justeru satu standard pengukuran yang mengandungi kriteria dan prosedur yang jelas perlu dilaksanakan. Ini adalah kerana tugas prestasi tidak dapat ditaksir sekiranya tidak dipecahkan kepada tingkah laku spesifik dan ciri-ciri yang lebih kecil yang boleh dihakimi dengan mudah, serta boleh diperhatikan. Tanpa penggunaan kriteria yang jelas, pentaksiran sukar untuk dihakimi (Burke, 2001). Oleh itu penggunaan rubrik merupakan satu cara untuk menangani isu tersebut (Reddy & Andrade, 2010). Sistem penskoran markah secara tradisional tidak dapat menyelesaikan masalah ini kerana sistem sedia ada lebih tertumpu kepada ujian tahap penguasaan pembelajaran secara sumatif dan bukannya untuk meningkatkan hasil pembelajaran (Saribeyli, 2018). Sebagai pendidik dan penilai hasil pembelajaran pelajar, pengajar perlu sedar permasalahan ini sedari awal lagi, iaitu tahap penguasaan pelajar dalam bilik darjah atau lebih dikenali sebagai pentaksiran formatif.

2.3. Alat Pengajaran dan Pembelajaran

Secara umumnya, Zamora et al. (2018) mendapati bahawa terdapat dua manfaat penskoran sendiri untuk penilaian, iaitu (1) alat itu berguna dalam memperdalam pemahaman teoritis dan (2) penskoran sendiri mendorong pemikiran serta kesedaran diri terhadap kemahiran yang perlu dibangunkan dalam kajian beliau terhadap 198

pelajar dalam eksperimen kuasi. Seterusnya memang tidak dapat dinafikan pelajar akan mengalami kesukaran pada awal penggunaan rubrik dan penskoran sendiri yang berupaya mengganggu proses PdP, namun penggunaan rubrik yang tidak menekankan gred mengurangkan kebimbangan pelajar untuk turut serta dalam aktiviti ini (Noor et al., 2020).

Pensyarah perlu mengintergrasikan penggunaan rubrik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), iaitu sebagai satu pentaksiran baharu yang merangkumi kawalan sendiri serta penskoran sendiri pelajar. Berdasarkan konteks yang sama, pendidikan tinggi sekitar Eropah juga mengalami perubahan dalam model pengajaran di Universiti. Salah satu isu utama adalah untuk mengenal pasti alat berkepentingan dalam proses penilaian. Tindakan yang mereka ambil adalah dengan berkongsi pengalaman pendidikan menggunakan rubrik untuk menilai kecekapan yang diperoleh dalam pembangunan karya akademik, serta pengesahan utiliti terhadap prestasi pelajar (Exposito-Langa et al., 2017). Hal ini sedemikian kerana tugas utama pendidikan membangunkan keupayaan pelajar adalah untuk menetapkan matlamat pembelajaran secara bebas dengan kaedah pelaksanaan projek agar pelajar dapat memantau tindakan sendiri, memberi tindak balas terhadap kejayaan dan kegagalan sendiri serta membetulkan kesilapan (Saribeyli, 2018). Oleh itu, pelajar perlu diberi peluang membuat penskoran sendiri mengikut standard yang ditetapkan oleh pensyarah. Penskoran yang tidak standard tidak menggambarkan tahap penguasaan pelajar dalam proses PdP. Oleh sebab itu, penskoran sendiri oleh pelajar perlu dijadikan amalan agar proses penskoran menjadi lebih mudah dengan menggunakan rubrik sebagai alat pengukuran.

Malahan, Panadero dan Jonsson (2013) turut menjelaskan bahawa penggunaan rubrik dapat memberikan lima kesan perubahan tingkah laku seperti (a) memberikan ketelusan kepada penilaian, yang seterusnya dapat (b) mengurangkan kebimbangan pelajar terhadap tugas, (c) membantu proses mendapatkan maklum balas, (d) meningkatkan keberkesanan diri pelajar, dan (e) menyokong pengawalan sendiri pelajar. Kesemuanya secara tidak langsung memudahkan prestasi pelajar yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kesan ini juga dikaitkan dengan faktor masa, kerana jangkaan tinggi (tahap prestasi dalam rubrik) telah terbukti menyebabkan tekanan jika pelajar tidak diberi masa yang cukup untuk memenuhi standard yang dikehendaki. Seterusnya, Sundeen (2014) telah melihat keberkesanan instruksional rubrik dalam kualiti penulisan pelajar dan mendapati bahawa apabila pelajar mempunyai akses kepada instruksional rubrik sama ada melalui pengajaran yang jelas atau dengan menerima rangka rubrik, penulisan mereka menjadi bertambah baik.

Selanjutnya, kajian Wang (2017) menunjukkan bahawa rubrik bermanfaat untuk memupuk pengawalan sendiri pelajar dengan membimbing mereka melalui peringkat penentuan tujuan, perancangan, pemantauan diri dan refleksi diri berdasarkan peringkat pembelajaran sendiri. Kajian Mohd Faizal dan Leow (2017) pula mendapati instrumen penskoran sendiri berpandukan Model Pentaksiran KIPP dapat membantu pelajar mengetahui tahap penguasaan mata pelajaran yang dipelajari dan mereka berusaha untuk memperbaiki kelemahan dalam pembelajaran mereka. Kajian Wong (2017) menunjukkan peningkatan persepsi 146 orang pelajar terhadap penskoran sendiri selepas penggunaan penskoran sendiri diintervensikan. Kajian Hung (2019) yang mengkaji berdasarkan Teori Pengamatan Pembelajaran dalam teori pembelajaran kognitif sosial terhadap 97 pelajar juga mendapati bahawa prestasi dan kebolehan pelajar meningkat lebih baik dari masa ke masa. Mereka sangat menghargai peluang untuk mengesan kesilapan mereka dan mematuhi hasil pembelajaran sebenar mereka. Bourke

(2018) pula berpendapat pembangunan penskoran sendiri perlu dipertimbangkan dalam pentaksiran pembelajaran setelah menggunakannya selama tiga tahun. Walaupun beliau mendapati bentuk-bentuk pentaksiran ini pada awalnya mengganggu pelajar, namun para pelajar dapat mengambil bahagian dalam pembelajaran mereka dan bukan hanya tertumpu pada gred. Secara ringkasnya, rubrik boleh digunakan dalam memperoleh gred (sumatif) dan maklum balas terperinci untuk meningkatkan prestasi pada masa depan (formatif) (Zimmaro, 2004).

3. Implikasi, Cabaran dan Strategi

Implikasi kertas konsep ini kepada pelajar adalah dengan memberi kesedaran kepada pelajar bahawa penskoran sendiri menggunakan rubrik ialah satu aktiviti pemahaman pelajar yang menekankan teknik baharu terhadap kemahiran yang dipelajari dalam sistem pendidikan khususnya dalam PdPC. Hal ini turut menyokong perubahan aktiviti dalam proses PdP kerana Mohd Salleh (2007) menegaskan bahawa pelajar mudah bosan dengan sebahagian pensyarah yang menggunakan kaedah pengajaran yang sama dan tidak banyak perubahan. Selanjutnya, pensyarah akan mendapat idea dan pandangan untuk menggunakan rubrik sebagai satu kaedah dalam pengajaran bagi meningkatkan prestasi serta persepsi pelajar terhadap pembelajaran. Hal ini sedemikian kerana kelemahan dalam pembelajaran perlu diketahui dari awal proses PdP lagi supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan segera. Pada masa yang sama kesahan dan kebolehpercayaan terhadap penggredan dapat dilaksanakan dengan telus dan adil. Implikasi kajian ini kepada dasar pendidikan pula ialah keperluan dalam menerapkan proses pentaksiran formatif menggantikan penilaian sumatif kerana fungsi pendidikan adalah bagi membangunkan sahsiah pelajar. Pentaksiran berterusan dapat mengukur keberkesanan proses PdP dalam agenda melahirkan modal insan kelas pertama. Hal ini penting kerana keperluan pelajar menggarap proses ini sebagai pembelajaran sepanjang hayat untuk digunakan dalam sektor pekerjaan pada masa hadapan.

Terdapat dua cabaran utama bagi isu ini iaitu komitmen dan kesediaan pensyarah serta reaksi pelajar. Bagi cabaran komitmen dan kesediaan pensyarah, ketidaksungguhan guru dalam pentaksiran akan menjejaskan seluruh sistem pentaksiran. Ketidakadilan, ketelusan dan keseragaman dalam membuat pentaksiran terhadap pelajar, sedangkan amalan ini merupakan salah satu elemen yang penting dalam menentukan murid mendapat gred yang menepati apa yang diusahakan sepanjang PdP. Cabaran kedua pula melibatkan reaksi pelajar menggunakan rubrik sebagai alat pembelajaran. Dalam proses pembelajaran, kefahaman dan kemenjadian pelajar menjadi keutamaan pensyarah. Isunya apakah sesuai rubrik diberikan kepada pelajar sebelum pentaksiran dan sebagai alat pembelajaran. Novak et al. (2005) melaporkan bahawa pentaksiran yang berkualiti tinggi boleh menzahirkan satu proses pembelajaran berkualiti tinggi. Sebaliknya pentaksiran yang tidak berkualiti tinggi, mungkin akan merosakan pelajar dalam jangka masa panjang. Untuk itu, maklum balas dan respon pelajar diperlukan bagi memastikan matlamat pentaksiran tercapai.

Strategi yang dicadangkan adalah melalui usaha untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan rubrik iaitu dengan penglibatan pensyarah dalam pembangunan rubrik. Ini kerana pensyarah sebagai pakar kandungan lebih mengetahui tahap pengetahuan yang perlu dicapai oleh pelajar. Selain itu, ciri-ciri rubrik yang dihasilkan perlu menepati keperluan penggunaannya. Antara ciri – ciri penting bagi sesebuah rubrik sepertimana panduan Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013) adalah seperti;

- a) Holistik iaitu mampu memberikan maklumat keseluruhan tentang pengetahuan dan kemahiran yang dicapai oleh murid.
- b) Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan P&P.
- c) Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
- d) Merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.

Selain itu, pensyarah juga berperanan untuk meningkatkan keyakinan pelajar dengan penggunaan rubrik sebagai alat pembelajaran. Pelajar akan memberi respon yang positif apabila berlaku peningkatan dalam pencapaian dalam pengetahuan dan kemahiran seterusnya gred yang lebih baik diperolehi.

4. Kesimpulan

Kertas konsep ini telah membincangkan penggunaan rubrik pemarkahan amali dalam Pentaksiran Berterusan (PB) amali program Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional Malaysia. Idea di sebalik perbincangan ini adalah instrumen pentaksiran dengan rubrik yang baik masih amat relevan. Namun, rubrik dibangunkan perlu selari berdasarkan perkembangan pengetahuan pelajar dan seiring dengan sasaran hasil pembelajaran yang hendak dicapai. Pembangunan alat pentaksiran seperti rubrik sangat berguna bagi memastikan pentaksiran menjadi lebih berkualiti, memberi keadilan kepada pelajar, mempunyai sasaran yang jelas, aturan penjajaran kurikulum yang bersistematik, memiliki aspek kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan meyakinkan. Kajian lanjut yang boleh dilakukan adalah dengan menjalankan kajian penentuan kriteria dan deskriptor yang lebih tepat dan terperinci agar hasil pentaksiran akan lebih adil dan saksama. Selain itu, aspek psikometrik bagi item penilaian rubrik boleh ditentusahkan dengan analisis pengukuran model seperti model Rasch.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dan buah fikiran yang dalam penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Setinggi-setinggi penghargaan terhadap sokongan kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Dana Geran Penyelidikan FPEND (Nombor Geran: GG-2021-K021854).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Abdullah, E. & Shukor, A. A. A. (2012). *Pentaksiran Prestasi dan Pentaksiran Rujukan Standard dalam Bilik Darjah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Azmanirah Ab Rahman, Nurfirdawati Muhamad Hanafi Anizam Mohamed Yusof, Halizah Awang. (2019). Analisis Kefungsian Skala Bagi Pembinaan Rubrik Pentaksiran

- Kompetensi Amali: Analisis Berdasarkan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Facet, *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 120–126 DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.00.00.0000.00.0000>
- Bloom, B. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives*. Book 1: Cognitive domain. London: Longman Group Ltd.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2019). *Peraturan Akademik Kolej Vokasional*. Program Diploma Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (2014). *Garis Panduan Peraturan Pentaksiran dan Pentaksiran DVM*. Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Burke, K. (2001). *From Standards to Rubric in Six Steps: Tools for Assessing Student Learning*. Corwin A Sage Company.
- Bourke, R. (2018). Self-assessment to incite learning in higher education: Developing ontological awareness. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 43(5), 827-839 <https://doi:10.1080/02602938.2017.1411881>.
- Clausen-May, Tandi & Jones, Keith & McLean, Alan & Rowlands, Stuart & Carson, Robert. (2000). Perspectives on the design of the school geometry curriculum. *Proceedings of the British Society for Research into Learning Mathematics*, 20. 34-41.
- Exposito-Langa, M., Nicolau-Julia, D., & Tomas-Miquel, J. V. (2017). The evaluation by competencies in degrees. Development of an experience in the business administration degree using and validating a rubric. *Revista Complutense De Educacion*, 28(4), 1155-1171. <https://doi.org/10.5209/RCED.51618>
- Francis, J. E. (2018). Linking Rubrics and Academic Performance: An Engagement Theory Perspective. *Journal of University Teaching & Learning Practice*, 15(1). <https://doi.org/10.14453/jutlp.v15i1.3>
- Fraile, Juan & Panadero, Ernesto & Pardo, Rodrigo. (2017). Co-creating rubrics: The effects on self-regulated learning, self-efficacy and performance of establishing assessment criteria with students. *Studies In Educational Evaluation*, 53, 69-76. <https://doi.org/10.1016/j.stueduc.2017.03.003>.
- Hung, Y. J. (2019). *Bridging assessment and achievement: Repeated practice of self-assessment in college English classes in Taiwan*. Assessment & Evaluation in Higher Education. <https://doi.org/10.1080/02602938.2019.1584783>.
- Lembaga Peperiksaan. (2013). Buku Informasi PBS.
- MacDougall, M., Riley, S.C., Cameron, H.S., & McKinstry, B. (2008). Halos and Horns in the assessment of undergraduate medical students: A consistency-based approach. *Journal of Applied Quantitative Methods (JAQM)*, 3(2), 116-128.
- Mohamed Najib Abdul Ghafar, Sanitah Mohd Yusof, Razak Idris, Noraini Mohd Noor, Halijah Ibrahim, & A. Hadi Bunyamin. (2012). *Panduan Asas Pentaksiran Fakulti Pendidikan UTM*. Johor Bahru
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah, & Leow, T. W. (2016). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen pentaksirankendiri pembelajaran Geografi tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211-265.
- Mohd Salleh Lebar. (2007). *Pentadbiran pendidikan & pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Noor, N., Janan, D., & Arshad, M. (2020). Validasi terhadap rubrik sebagai alat pengukuran penulisan ilmiah melalui penskoran sendiri pelajar terhadap tugas. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 17(1), 185-189. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.1.8>
- Novak, J.D., Mintzes, J.J., & Wandersee, J.H. (2005). *Assessing science understanding*. San Diego, CA: Elsevier Inc.
- Panadero, E., & Jonsson, A. (2013). The use of scoring rubrics for formative assessment

- purposes revisited: A review. *Educational Research Review*.
<https://doi.org/10.1016/j.edurev.2013.01.002>
- Popham, W. J. 1997. What's Wrong and What's right with Rubrics. *Educational Leadership*, 55(2), 72–75.
- Reddy, Y. M. & Andrade, H. (2010). A review of rubric use in higher education. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 35(4), 435–448.
<https://doi.org/10.1080/02602930902862859>
- Rubin, S. (1982). *Performance appraisal: A guide to better supervisor evaluation processes*. In Panel resource Paper No. 7, in National Society for Internships and Experiential Education. Washington, DC.
- Saribeyli, F. R. (2018). Theoretical and practical aspects of student self-assessment. *Obrazovanie I Nauka-Education and Science*, 20(6), 183-194.
<https://doi.org/10.17853/1994-5639-2018-6-183-194>.
- Sundeen, T. H. (2014). Instructional rubrics: Effects of presentation options on writing quality. *Assessing Writing*, 21, 74-88. <https://doi.org/10.1016/j.asw.2014.03.003>
- Wang, W. Q. (2017). Using rubrics in student self-assessment: Student perceptions in the English as a foreign language writing context. *Assessment and Evaluation in Higher Education*, 42(8), 1280-1292. <https://doi.org/10.1080/02602938.2016.1261993>
- Wong, H. M. (2017). Implementing self-assessment in Singapore primary schools: Effects on students' perceptions of self-assessment. *Pedagogies*, 12(4), 391-409.
<https://doi.org/10.1080/1554480X.2017.1362348>.
- Zamora, A., Suarez, J. M., & Ardura, D. (2018). Error detection and self-assessment as mechanisms to promote self-regulation of learning among secondary education students. *Journal of Educational Research*, 111(2), 175-185.
<https://doi.org/10.1080/00220671.2016.1225657>.
- Zimmaro, D.M. (2004). Developing grading rubrics.
<http://bsuenglish101.pbworks.com/f/rubricshandout.pdf>